

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki yang sihat berumur 35 tahun.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Zurich SureCover?

Zurich SureCover menyediakan perlindungan terhadap Manfaat Kematian dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (KAK) selama **65** tahun. Selain itu, produk ini juga disertakan dengan Manfaat Kematangan dan Manfaat Penghantaran Balik.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 9,000.00 tahunan anda akan menerima perlindungan insurans hayat berikut:			
Manfaat Kematian (tidak disebabkan oleh kemalangan)	Tahun Polisi	Umur Dicapai Hayat Yang Diinsuranskan pada masa Kematian	Jumlah yang perlu dibayar (RM)
	Tahun Polisi 1 dan 2	Umur 35 dan ke atas	Jumlah Premium yang telah dibayar
	Tahun Polisi 3 dan seterusnya	Umur 35 – 80	330,860 atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
		Umur 81 – 90	330,860 atau 108% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
		Umur 91 – 95	330,860 atau 118% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
Umur 95 ke atas		330,860 atau 128% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi	
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Umur Dicapai Hayat Yang Diinsuranskan pada masa Kematian		Jumlah yang perlu dibayar (RM)
	Umur 35 – 65		1,654,300 atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
	Umur 66 – 80		992,580 atau Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
	Umur 81 – 90		661,720 atau 108% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
	Umur 91 – 95		661,720 atau 118% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
	Umur 95 ke atas		661,720 atau 128% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi
Manfaat Kematangan	188% daripada Jumlah Premium yang telah dibayar		
Manfaat Penghantaran Balik	RM 3,000		
Nota: • Produk ini menyediakan pulangan tahunan terjamin sebanyak 1.77%, jika dipegang sehingga matang. • Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.			
Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).			
Insurans hayat anda mengecualikan : • Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dibayar. • KAK - sebarang kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri.			
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda hendaklah merujuk kepada polisi bagi senarai penuh mengenai pengecualian.			

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/surecoversc>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM 9,000.00 (tahunan)
---------	------------------------------

Tempoh: 65 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Komisen	22.58% daripada premium atau RM 12,195.00 selama 6 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut
---------	--

Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.
-------------------------	--

Syarat-syarat Utama Lain

- Tempoh ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan premium mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.